Bahasa Melayu Tahun 5

Latihan Kata Majmuk Kiasan

Tarikh : Rabu / 08.09.2021

Arahan: Baca soalan dengan teliti kemudian pilih jawapan yang paling sesuai.

Murid dikehendaki membuat pembetulan bagi ayat yang salah dalam Modul pdpr.

air muka	ringan tulang	hati terbuka	mandi keringat
berat sebelah	otak cair	campur tangan	buah fikiran
anak emas	dalam tangan		

1. Pengadil yang mengadili perlawanan malam itu dicemuh oleh penonton kerana _____.

2. Ketika keluar dari rumah, kita perlulah sentiasa menjaga kelakuan dan _____ keluarga.

3. Sikap Ahmad yang _____ itu amat disenangi oleh rakan-rakan sekelasnya.

4. Raidah dapat menjawab soalan Matematik itu dengan pantas, dia seorang yang _____.

5. Cikgu Hamizan terpaksa _____ setelah pergaduhan antara Fikri dan Amran tidak dapat diuraikan.

6. Keluarga Danish menerima kedatangan tetamu dengan _____.

7. Penduduk Palestine ber_____ untuk membangunkan semula kediaman yang musnah dibom Tentera Israel.

8. Sebagai ketua kelas, Aqil mendengar semua _____ daripada rakan-rakan sekelas untuk menceriakan kelas.

9. Pasukan bola jaring sekolah berjaya ke perlawanan peringkat akhir, sekurang-kurangnya untuk menjadi naib juara sudah _____.

10. Zarfan merupakan _____sekolah kami kerana dia sering mengharumkan nama sekolah dalam pertandingan pidato dan bola sepak.

https://gengsekolah.com/latihan-kata-majmuk-kiasan/

www.CikguOfFadzilah.my

LIVEWORKSHEETS